

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HKN 306/NSK 011 Fiksyen dan Drama Melayu dan Indonesia Moden

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Bahagian A:

1. Dalam novel *Sudara* karya Arena Wati banyak terdapat lambang untuk membayangkan makna-makna tertentu. Lambang-lambang yang terpenting dalam novel itu adalah lambang pohon dan lambang caping. Dengan merujuk kepada contoh-contoh konkrit, bincangkan cara bagaimanakah dan dengan makna apakah kedua-dua lambang tersebut digunakan pengarang dalam *Sudara*?
2. Sikap mental yang perlu diambil oleh pembaca sastera modenisme boleh dicirikan sebagai paranoia. Pembaca yang sedemikian mempercayai bahawa di sebalik kata-kata karya sastera tersembunyi suatu kebenaran rahsia yang boleh diketahui, asalkan dia mencarinya dengan rajin dan dengan mengemukakan pertanyaan-pertanyaan yang betul. Tunjukkan bahawa sikap ini juga diambil oleh watak-watak dalam novel *Daerah Zeni* karya A. Samad Said.
3. Hujahkan mengapakah cerita pendek yang bertajuk 'Nadinya Masih Berdenyut' dalam kumpulan cerpen Shahnnon Ahmad *Debu Merah* lebih terarah kepada menyajikan suatu cerita aksi yang penuh suspens atau kepada menggambarkan perwatakan atau suasana tertentu? Jelaskan bagaimanakah cerita tersebut begitu berjaya memenuhi tuntutan-tuntutan khas yang dibuat oleh jenis kesusasteraan yang dinamakan sebagai "cerpen"?
4. Dengan merujuk kepada episod pertarungan antara Hang Tuah dan Hang Jebat dalam karya-karya sastera Melayu klasik, berikan suatu definisi tentang konsep tragedi, dari segi audien, dari segi struktur cerita dan dari segi dunia yang diceritakan. Jelaskan sejauhmanakah dapat kita cirikan lakonan *Matinya Seorang Pahlawan - Jebat* karya Usman Awang sebagai suatu tragedi?

Bahagian B:

5. Baca petikan di bawah dan jawab soalan yang berikutnya.

Dalam bersujud itu, dalam pikiran Ompu Parado muncul sebuah pertanyaan. Pertanda apa gerangan yang dibawa oleh munculnya wujud ini? Wujud yang hampir-hampir tidak teringat lagi dalam zaman yang serba tidak tetap ini. Zaman, tatkala musim tak terkendalikan lagi dengan baik pada porosnya. Zaman, tatkala musim tidak bisa dipercaya lagi, demikian menurut penilaiannya sendiri.

Munculnya wujud itu, juga menimbulkan pertanyaan lain. Bisakah wujud yang hidup ratusan tahun yang lewat itu muncul kembali dalam sosok yang utuh seperti yang terlihat sekarang ini. Kita semua yakin bahwa tiada suatu pun yang utuh di alam ini. Semuanya akan menemukan akhir. Jasad manusia yang berasal dari tanah itu akan kembali ke tanah. Begitu juga tubuh sosok asing ini. Seharusnya dia sudah kembali bersatu dengan tanah dari mana dia berasal. Karena dia dulu berasal dari darah daging seorang ayah dan seorang ibu. Dia tidak diciptakan dari sesuatu yang lain. Wujudnya terdiri dari darah, daging, air, tulang dan zat-zat lain sebagai suatu yang diciptakan dengan kesempurnaan utuh yang membedakannya dengan makhluk lainnya di dunia. Ncuhi itu adalah manusia, tidak lebih. Tetapi bila dia muncul bukan pada zamannya lagi, itu membuat kita berpikir. Pertanda apa?

(Petikan dari Ketika Kubur Itu Selesai Digali, 1993, hlm: 54)

Berdasarkan petikan itu, jelaskan maksud 'hakikat kewujudan manusia' dan huraikan perwatakan Ompu Parado sebagaimana yang tergambar dalam Ketika Kubur Itu Selesai Digali berhubung dengan 'hakikat diri' yang anda fahami.

6. Selain Ketika Kubur Itu Selesai Digali, banyak lagi novel Indonesia yang menarik. Pilih satu daripadanya dan kemukakan hujah-hujah anda yang bernas sehingga dapat menampakkan bahawa novel itu benar-benar menarik.
7. Bincangkan secara perbandingan tentang persoalan, perwatakan dan perkembangan plot sebagai unsur-unsur penting yang membina cerpen "Robohnya Surau Kami" dengan cerpen "Dilarang Mencintai Bunga-Bunga" dalam Sejumlah Cerpen Indonesia Dari Waktu Ke Waktu.

8. Permasalahan manusia dan masyarakat banyak terungkap dalam drama Sumur Tanpa Dasar. Dengan menggunakan pendekatan sosiologikal, terangkan sejauhmanakah drama itu boleh diterima sebagai teks yang mencerminkan masyarakatnya?

--oo000oo--